

**TANAH RIZAB PADANG RAGUT KAIDUAN BAKAL DIUSAHA UNTUK
PENTERNAKAN, TANAMAN KELAPA SAWIT**



Papar. Tanah Rizab Padang Ragut Kaiduan yang terbiar bakal diusahakan secara sistem integrasi dengan menternak haiwan seperti sapi dan kerbau, dan ditanam kelapa sawit yang akan dijalankan oleh syarikat Perintis Jati Sdn Bhd dengan penduduk kampung.

Upacara pecah tanah bagi tujuan itu disempurnakan oleh Ahli Parlimen Papar yang juga Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia dan Ketua Puteri Umno Malaysia Datuk Rosnah Abd Rashid bersama Timbalan Menteri Perumahan dan Tempatan Negeri Sabah Datuk Ghulam Khan Badar.

Difahamkan pengambilan syarikat berkenaan bagi membuka dan mengusahakan tanah itu adalah sebagai alternatif untuk memajukan kawasan tersebut yang terbengkalai sejak 28 tahun lalu.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kaduan merangkap Pengerusi Ahli Bertindak Padang Ragut, Michael Sulip, kawasan tanah itu telah digazet sebagai Tanah Padang Ragut Kaiduan pada 1985 yang diberikan kepada Kg Kaiduan.

“Selepas itu pelbagai rancangan pembangunan telah dibuat tetapi terkubur begitu sahaja dan untuk menangani masalah ini penduduk menubuhkan ahli jawatankuasa yang bertujuan untuk mencuba tanaman komoditi sawit dan menternak haiwan bersama dengan perancangan strategik bersama pejabat daerah di sini.

“Hasil yang dipersetujui ialah mengusahakan tanah itu bersama dengan syarikat yang sanggup untuk mengeluarkan modal bagi membuka dan memajukan kawasan tersebut secara usahasama” katanya.

Dalam ucapan perasmian, Rosnah turut merakamkan penghargaan kepada syarikat Perintis Jati Sdn Bhd kerana sudi melaksanakan tugas itu yang secara langsung akan membantu meningkatkan pendapatan ekonomi masyarakat di sini.

Katanya, selain dapat mengusahakan tanah terbiar, usahasama seperti itu juga dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat serta menikmati pelbagai pembangunan sampingan seperti dua jambatan gabion bersimen (low level crossing) yang akan menghubungkan jalan ke Kg Kaiduan dan Kg Bisuang serta Kg Mondikot ke Kg Moliuon sebagai mana yang akan disediakan syarikat tersebut.

GRAZING RESERVE LAND TO BE DEVELOPED FOR ANIMAL FARMING, OIL PALM CULTIVATION

Daily Express, 6 March 2013 (Wednesday)

Papar – The Kaiduan Grazing Field Reserve Land, which has long been left idle will be developed according to an integrated system for the rearing of cattle such as cows and buffalos as well as for oil palm cultivation. The development will be jointly undertaken by Perintis Jati Sdn Bhd and villagers of Kg Kaiduan.

The ground breaking ceremony for this purpose was jointly performed by the Member of Parliament for Papar who is also the Deputy Health Minister and Puteri UMNO chief, Datuk Rosnah Abd Rashid, and Sabah’s Deputy Housing and Local Government Minister, Datuk Ghulam Khan Badar.

The appointment of Perintis Jati is seen as an alternative to develop the land which has been left idle for the past 28 years.

According to Michael Sulip, Chairman of the Village Development and Security Committee and the Kaiduan Grazing Land Joint Action Group, the piece of land has been gazetted in 1985 as the Kaiduan Grazing Field and handed over to Kg Kaiduan.

“Since then, various development plans have been mooted but never really materialised. To overcome this problem, the village folks have set up a committee to cultivate oil palm and rear animals with strategic planning with the assistance of the district office here.

“The decision reached is to jointly develop the land with a company that is willing to fork out the capital to develop the land on a joint venture basis,” he explains.

In her officiating speech, Rosnah expressed gratitude to Perintis Jati for its willingness to undertake the job which would further improve the livelihood of the villagers.

Besides reviving a piece of idle land, such joint venture would also indirectly establish job opportunities for the local community, she added. Additionally, it would also bring about side benefits such as the construction of two low level crossings linking the roads to Kg Kaiduan and Kg Bisuang as well as Kg Mondikot and Kg Moliuon (both crossings will be built by Perintis Jati).